

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang 1986/87

HMP 304 - Sejarah Perkembangan Bahasa Malaysia

Tarikh: 6 April 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari  
( 3 Jam )

Jawab LIMA(5) soalan.

Bahagian A hendaklah dipilih/dijawab EMPAT(4) soalan sahaja manakala SOALAN NO. 7 daripada Bahagian B MESTI dijawab.

**BAHAGIAN A** - Pilih EMPAT(4) soalan.

1. Lukis gambarajah perkembangan bahasa Melayu sejak Bahasa Melayu Purba hingga Bahasa Melayu Moden berdasarkan pendapat Asmah Hj. Omar (1985). Beri penjelasan tentang gambarajah tersebut.
2. Berbagai kajian telah dilakukan tentang hubungan bahasa Cam dengan bahasa Melayu. Sila huraikan pendapat Po Dharma (sarjana keturunan Cam) berkenaan dengan hubungan kedua-dua bahasa tersebut.
3. Nyatakan beberapa bukti bahawa perkataan Melayu (yang mirip dengan perkataan tersebut) telah ada sebelum Batu Bersurat ditemui.
4. Sejarah perkembangan bahasa Melayu dapat juga dikesani berdasarkan karya sastera Melayu, seperti Sejarah Melayu (Tun Sri Lanang), Hikayat Abdullah (Abdullah bin Abdul Kadir Munsyi) dan lain-lain. Nyatakan bidang bahasa yang dapat dikaji berdasarkan karya sastra dan beri huraian mengenainya.
5. Apakah kekuatan yang terdapat di dalam bahasa Melayu yang menyebabkan bahasa Melayu itu dapat hidup dan berkembang hingga ke zaman sains dan teknologi ini? Beri contoh-contoh yang cukup mengenainya.

6. Bilakah istilah bahasa Malaysia dilahirkan bagi menggantikan istilah bahasa Melayu/Kebangsaan. Beri beberapa alasan perlunya penukaran istilah tersebut.

**BAHAGIAN B - Soalan ini MESTI dijawab.**

7. Hendrik Kern dan Robert von Heine Geldern berpendapat bahawa bahasa Melayu berasal dari satu induk iaitu di Asia Tengah. Pendapat ini telah ditentang oleh John Crawford, K. Himly, P.W. Schmidt, Thor Heyerdahl, Isidore Dyan dan lain-lain. Nyatakan hujah-hujah yang mereka sampaikan sebagai reaksi terhadap pendapat Hendrik Kern dan Robert von Heine Geldern tersebut. Sertakan juga pendapat anda sama ada bersetuju atau tidak bersetuju.

-ooo000ooo-